

BAB 5

PENUTUP

5.1 Rumusan

Rumusan pertama yang dapat dibuat dari kajian ini ialah, dalam menilai sejauh mana pentingnya faktor kos-faedah di dalam mempengaruhi tempoh bekerja pekerja asing, kami dapati bahawa faktor kos adalah lebih penting dan signifikan dari faktor faedah. Tambahan pula, bukan pendapatan bulanan pekerja asing yang mempengaruhi tempoh mereka bekerja di sini tetapi perbelanjaan bulanan mereka. Secara umumnya hasil kajian ini menyokong hipotesis yang kelima iaitu faktor faedah kurang penting dalam membuat keputusan bagi tempoh bekerja berbanding faktor kos.

Manakala bagi faktor latar belakang, iaitu umur, kemahiran, taraf pendidikan dan perbelanjaan bulanan keluarga di negara asal, di dapati bahawa, perbelanjaan bulanan keluarga di negara asal merupakan faktor yang sangat penting dalam mempengaruhi keputusan tempoh bekerja. Kedua-dua set model pekerja asing ini membuktikan rumusan ini.

Selain daripada menilai pekerja asing ini dari segi faktor kos-faedah dan faktor latar belakang, kami dapati bahawa set data dan model bagi pekerja asing Bangladesh, menepati definisi Gurushri Swamy mengenai motif asal bagi pekerja kontrak yang lebih dikenali sebagai ‘target saver’. Beliau menyatakan bahawa mereka ini akan mengumpul wang seberapa banyak dan secepat mungkin yang boleh supaya dapat pulang ke negara asal dengan modal yang mencukupi untuk mereka memulakan kehidupan baru.

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Djajig, S & Milborne,.R, mengenai pekerja asing akan pulang lebih cepat sekiranya kos migrasi dapat diatasi kerana mereka lebih suka bekerja ataupun berada di negara sendiri berbanding negara asing. Ini benar bagi pekerja asing Bangladesh.

Tidak ketinggalan juga dapat dirumuskan di sini bahawa, dari kajian Gurushri Swamy, semakin lama pekerja asing ini bekerja, kemungkinan besar sebilangan dari mereka akan terus menetap di negara itu dan perbelanjaan mereka akan bertambah, serta pengurangan dari segi penyimpanan. Ini dapat dilihat dari set data pekerja asing Indonesia. Tetapi dari segi penyimpanan atau tabungan, mereka masih banyak

menabung. Ini mungkin kerana mereka lebih memikirkan tabungan untuk masa hadapan.

Lanjutan daripada itu, dapat dirumuskan juga bahawa keputusan untuk tempoh bekerja sangat dipengaruhi oleh tujuan asal pekerja asing migrasi ke sesuatu tempat. Ini dapat dilihat dari andaian yang dibuat ke atas pekerja Bangladesh dan Indonesia, iaitu dari keputusan hipotesis yang keenam.

Tambahan pula, berpandukan dari data berkenaan maklumat pasaran, kategori definisi pekerja asing yang dapat dirumuskan di sini ialah pekerja Bangladesh dan Indonesia ini adalah tergolong di dalam kategori imigran ekonomi yang pertama, iaitu kebanyakannya mereka migrasi ke Malaysia adalah kerana untuk memperbaiki pendapatan dan kebajikan kehidupan di negara asal. Yang mana mereka ini kebanyakannya adalah tergolong sebagai pendatang tanpa izin atau tiada permit yang sah untuk migrasi mencari pekerjaan ke negara asing. Cuma segelintir sahaja dari pekerja asing ini dapat dikategorikan di dalam imigran ekonomi yang kedua, iaitu mereka yang mudah bergerak untuk membaiki keadaaan hidup serta peka dengan keadaan pasaran buruh dan berpengetahuan sempurna mengenai upah di pasaran dan peluang pekerjaan yang ada di

luar negara. Mereka ini lebih menimbang mengenai kos dan faedah migrasi dan mengikuti saluran yang betul apabila mereka migrasi mencari pekerjaan di negara asing.

Sementara itu, kesimpulan yang dibuat oleh Piore, 1979, bahawa pekerja-pekerja asing ini kebanyakannya adalah berpendidikan rendah dapat direalisasikan di sini, di mana 42 peratus dari pekerja Bangladesh dan 50 peratus dari pekerja Indonesia adalah hanya berpendidikan di tahap sekolah rendah dan tiada berpendidikan.

5.2 Dasar kerajaan terhadap pekerja asing.

Pada amnya dasar kerajaan terhadap pekerja asing adalah tidak mahu bergantung kepada tenaga khidmat kerja mereka. Pergantungan terhadap pekerja asing ini adalah pada kadar sementara sahaja. Oleh itu, antara langkah kerajaan sekarang adalah untuk menggalakkan para majikan supaya menggunakan teknologi terkini yang kurang menggunakan tenaga manusia serta mereka harus melibatkan diri di dalam penyelidikan dan pembangunan.

Sementara itu, kawalan terhadap kebanjiran pekerja asing telah menghasilkan beberapa dasar. Ini termasuklah dasar pembekuan pengambilan pekerja asing iaitu pada Januari, 1994, kemudian disusuli pula dengan pembekuan terhadap pengambilan pekerja asing baru pada bulan Julai, 1996. Lanjutan daripada ini, para majikan hanya di benarkan untuk mengambil pekerja asing yang sedang berada di kem-kem tahanan sahaja. Selain daripada itu, pada tahun 1991 kerajaan telah mensyaratkan pengambilan pekerja asing hanyalah boleh melalui agen-agen yang telah mendapat kebenaran Jabatan Imigresen dan yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat. Dan pada tahun 1994, Konsortium agen buruh telah di adakan di Indonesia bagi pengambilan pekerja Indonesia.

Baru-baru ini dalam bulan Oktober, 1997, kerajaan telah memutuskan untuk menghantar pekerja asing di sektor yang di anggap tidak produktif pulang ke negara asal mereka iaitu sektor-sektor perkhidmatan dan pembantu rumah kerana tidak mendatangkan tukaran asing. Tetapi sebagai alternatif di sebabkan oleh kegawatan ekonomi di negara asal pekerja asing ini lebih teruk dari keadaan di Malaysia, maka kemungkinan besar pekerja asing dari sektor perkhidmatan akan

disalurkan ke sektor lain yang lebih produktif termasuk sektor perladangan.

Tambahan daripada itu, kerajaan telah mengadakan dasar Pemutihan iaitu dasar pendaftaran pekerja asing. Ia dijalankan pada bulan Ogos, 1996 sehingga Disember, 1996. Selain daripada itu, Pasukan Petugas Pekerja Asing telah ditubuhkan oleh Jabatan Imigresen. Operasi menangkap pekerja asing tanpa izin ini ada dua iaitu Ops Nyah I yang bermula pada tahun 1992 dan Ops Nyah II yang dilancarkan pada Februari, 1993. Dalam operasi ini pihak yang terlibat ialah Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Polis Diraja Malaysia, anggota RELA dan Angkatan Tentera Malaysia. Gerakan memeriksa dari rumah ke rumah di kenali sebagai Ops Pintu, yang berkuatkuasa pada bulan Januari, 1997.

Tambahan lagi, bagi memperketatkan kawalan pintu masuk pendatang, operasi bersepadu telah dimeterai pada 31 Januari, 1997 bagi membendung kemasukan pendatang asing ini. Antara kerjasama yang diminta ialah dari kerajaan Thailand bagi mengawal sempadan di sebelah Thailand dari ditembusi oleh pendatang asing ini.

Lanjutan daripada wabak penyakit yang dibawa masuk oleh pekerja asing, kawalan penapisan masuk pekerja asing telah diperketatkan lagi. Pekerja asing terpaksa melalui dua kali pemeriksaan kesihatan bagi memastikan yang mereka benar-benar sihat. Pemeriksaan kesihatan yang pertama mesti dilakukan di negara asal dan yang kedua, semasa mereka berada di Malaysia, pemeriksaan boleh dilakukan samada di hospital kerajaan atau di klinik swasta yang telah didaftarkan dengan Persatuan Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Association).

Selain daripada itu, dalam belanjawan 1996, levi pekerja asing dinaikkan seratus peratus yang berkuatkuasa pada Januari, 1996. Ini adalah supaya para majikan mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing. Namun begitu levi bagi pembantu rumah dan sektor perladangan tidak berubah iaitu masih lagi RM360 setahun tetapi levi sektor pembinaan dan sektor perkilangan, telah meningkat dari RM420 setahun kepada RM840 setahun bagi pekerja asing tidak mahir. Manakala pekerja asing separuh mahir dalam sektor-sektor ini meningkat dari RM600 setahun kepada RM1200 setahun.

Tambahan daripada ini, majikan yang mengambil pekerja asing yang tidak mempunyai permit yang sah akan dikenakan denda maksimum

RM10,000. Majikan juga akan dikenakan penjara mandatori sekiranya mempunyai lima pekerja asing yang tidak sah, yang berkuatkuasa pada Februari, 1997.

Kerajaan menyarankan bayaran upah pekerja asing haruslah berpatutan dan upah yang di cadangkan ialah minimum RM350 sebulan. Pekerja asing harus mendapat kadar upah yang sama seperti pekerja tempatan.

Pekerja asing wajib mempunyai status sah bekerja dengan mempunyai permit. Jangka masa sah permit adalah lima tahun. Permit kerja selama tiga tahun boleh diperbaharui dan akan mendapat lanjutan tambahan selama dua tahun. Manakala, permit kerja selama dua tahun boleh mendapat lanjutan selama setahun lagi. Permit kerja bagi setiap sektor ialah sebanyak RM60.

Antara dasar kerajaan terhadap pengambilan pekerja asing tidak mahir dan separuh mahir ini adalah, mereka hanya dibenarkan bekerja di dalam sektor-sektor seperti:

- Perladangan
- Pembinaan

RM10,000. Majikan juga akan dikenakan penjara mandatori sekiranya mempunyai lima pekerja asing yang tidak sah, yang berkuatkuasa pada Februari, 1997.

Kerajaan menyarankan bayaran upah pekerja asing haruslah berpatutan dan upah yang di cadangkan ialah minimum RM350 sebulan. Pekerja asing harus mendapat kadar upah yang sama seperti pekerja tempatan.

Pekerja asing wajib mempunyai status sah bekerja dengan mempunyai permit. Jangka masa sah permit adalah lima tahun. Permit kerja selama tiga tahun boleh diperbaharui dan akan mendapat lanjutan tambahan selama dua tahun. Manakala, permit kerja selama dua tahun boleh mendapat lanjutan selama setahun lagi. Permit kerja bagi setiap sektor ialah sebanyak RM60.

Antara dasar kerajaan terhadap pengambilan pekerja asing tidak mahir dan separuh mahir ini adalah, mereka hanya dibenarkan bekerja di dalam sektor-sektor seperti:

- Perladangan
- Pembinaan

- Perkilangan
- Perkhidmatan(Pembantu rumah), Atendan pam minyak, dan Pelayan

Pengambilan pekerja asing adalah terbatas kepada lima warganegara jiran sahaja, iaitu dari Bangladesh, Filipina, Indonesia, Pakistan dan Thailand. Manakala pembantu rumah pula hanya boleh terdiri dari warga Filipina, Indonesia dan Thailand. Keluarga yang isterinya tidak bekerja, tidak dibenarkan mengambil pembantu rumah warga asing, manakala keluarga yang isterinya bekerja dibenarkan mengambil hanya seorang pembantu rumah warga asing.

Berhubung dengan yang di atas, pada bulan Februari, 1998, kerajaan telah memperkenalkan kad pengenalan bagi pekerja asing sebanyak 47,949 keping. Warna kad pengenalan ini berbeza-beza mengikut sektor. Sektor perkhidmatan berwarna biru, sektor pembinaan berwarna merah, sektor perkilangan berwarna kuning, sektor perladangan berwarna hijau dan pembantu rumah mempunyai kad pengenalan berwarna kelabu.

Adalah menjadi dasar kerajaan juga bahawa para majikan di haruskan memberi keutamaan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu

sebelum mengambil pekerja asing. Hak bekerja bagi warga Malaysia amat dititik-beratkan oleh kerajaan.

5.3 Cadangan.

Dari kajian ini beberapa cadangan yang ingin diusulkan iaitu:

- 1) Mengenakan cukai pendapatan ke atas pekerja asing yang bekerja di Malaysia.

Daripada kajian didapati bahawa pekerja asing yang bekerja di sini telah dapat mengatasi kos mereka datang ke sini dalam masa yang singkat iaitu kurang dari satu tahun. Ini bermakna, sekiranya mereka bekerja di sini melebihi satu tahun, mereka telah dapat faedah dari penghijrahan ini. Ini dapat dilihat dari kemampuan mereka mengirimkan wang pulang ke negara asal. Oleh itu, cukai pendapatan patut dikenakan ke atas pekerja asing yang telah bekerja melebihi satu tahun tetapi mungkin dengan kadar yang lebih rendah dari kadar cukai yang dikenakan ke atas rakyat tempatan.

Rasional dari cadangan ini adalah supaya semua warga yang bekerja, tidak kira warga asing atau tempatan harus menyumbang

sebahagian kecil dari pendapatan masing-masing kepada kerajaan dalam menyumbang bersama ke arah mengekalkan keadaan ekonomi negara yang mampan sekarang ini.

Lebih-lebih lagi tiada perbezaan upah yang ketara, di antara warga asing dan tempatan. Dalam masa yang sama, warga asing ini menikmati semua kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan untuk warga tempatan, maka kenapa patut mereka ini dikecualikan dari membayar cukai pendapatan dan dibiarkan rakyat tempatan menanggung bebanan tambahan.

Seperti yang diketahui umum, kita tidak menganak-tirikan segala kemudahan awam seperti sekolah, hospital, penempatan, pengangkutan dan sebagainya untuk berkongsi bersama dengan pekerja asing. Maka wajarlah sekiranya kos kemudahan tersebut dikongsi bersama.

Sekiranya disentuh sedikit, mengenai tanggungan kerajaan ke atas kos penempatan sementara pendatang tanpa izin, maka secara tidak langsung warga asing yang datang secara sah patut sama-sama menanggung kos ini. Sekurang-kurangnya ada juga sumbangan mereka terhadap pendatang tanpa izin ini dari cukai pendapatan yang dikenakan.

Dari segi aliran wang keluar dalam bentuk kiriman wang pulang dari pekerja asing, negara kehilangan modal yang sangat diperlukan untuk menstabilkanimbangan ekonomi. Dari segi lain pula, aliran wang keluar ini sebenarnya merupakan satu pengurangan hasil tambah pengeluaran atau produktiviti. Ianya seolah-olah sebahagian dari hasil tambah pengeluaran diberikan kepada negara asing. Dengan kata yang lain, barang yang mempunyai hasil tambah seolah-olah sebahagiannya dibuat di Bangladesh dan Indonesia atau negara asal pekerja asing tersebut.

2) Tetap tempoh permit maksimum kepada 3 tahun sahaja.

Tempoh maksimum permit bekerja bagi pekerja asing sekarang adalah selama 5 tahun. Maka cadangan ini adalah untuk dikurangkan kepada 3 tahun sahaja, kerana daripada hasil kajian, majoriti daripada imigran ini akan bekerja di dalam lingkungan tempoh empat tahun.

Rasionalnya adalah bagi mengurangkan pergantungan sesetengah industri terhadap pekerja asing kurang mahir. Supaya dari masa ke semasa, kerajaan seterusnya industri-industri yang terlibat, dapat mempertingkatkan penggunaan kaedah-kaedah moden yang dapat meminimumkan penggunaan tenaga buruh kurang mahir dan kos

pembuatan. Dengan adanya tenaga mahir dan teknologi pengeluaran yang tinggi dapat mempertingkatkan produktiviti negara. Maka seterusnya kerajaan dan industri tersebut mempunyai daya saing yang sejagat.

3) Penguatkuasaan harus dijalankan sekerap mungkin.

Tambahan daripada itu, semakin lama pekerja asing ini di sini berkemungkinan besar bagi mereka untuk terus tinggal dan cuba untuk mendapatkan status warga tetap adalah tidak dinafikan. Tambahan pula dengan kegawatan ekonomi sekarang, keadaan Malaysia tidaklah seteruk keadaan negara asal pekerja asing ini, maka bilangan bagi mereka untuk terus tinggal di sini boleh dijangka semakin bertambah.

Negara kita Malaysia tidak berupaya untuk menambah bilangan penduduk yang mana bilangan sekarang telah mencapai 21.6 juta orang dengan kadar pertumbuhan sebanyak 2.7 peratus setahun. Bilangan penduduk yang ramai adalah antara punca kelemahan ekonomi sesebuah negara. Maka sekiranya bilangan semakin bertambah dengan begitu mendadak sekali disebabkan oleh pendatang asing sebagai penduduk tetap yang mana kadar purata mereka sekarang ialah sebanyak 12 peratus setahun, dengan ekonomi negara di tahap sekarang, tambahan lagi dengan

kegawatan ekonomi yang melanda, ekonomi negara akan menjadi semakin lemah. Kerajaan seharusnya peka dengan keadaan ini dan megambil langkah berkesan bagi mengelakkan ia dari berlaku kerana rakyat yang akan menanggung bebannya. Cadangan bagi memperketatkan lagi syarat warga asing untuk mendapat taraf kewarganegaraan ialah dengan menambahkan syarat seperti mesti mempunyai aset yang bernilai RM10,000 dan ke atas, dan mempunyai apa-apa jenis perniagaan sebagai syarat tambahan bagi memastikan mereka dapat memberi sumbangan yang bernilai. Cadangan lain ialah mengenakan denda bagi warga asing yang lama tinggal di sini serta mengenakan hukuman undang-undang bagi mengurangkan bilangan warga asing.

Langkah lain yang mungkin boleh dilakukan ialah mengetatkan lagi penguatkuasaan bagi membentras pendatang asing tanpa izin dengan melakukan serbuan dan pemeriksaan sekerap mungkin. Selain daripada itu, menyiasat dan mengenakan hukuman berat ke atas orang dalam yang menjadi perantaraan dengan agen atau ‘ulat’ bagi pendatang ini.

Tambahan lagi, pintu-pintu masuk pendatang harus diawasi dengan lebih terperinci dengan menambahkan bilangan petugas dan kekerapan pusingan pemeriksaan patut dilakukan. Pasukan RELA harus ditambah

dan diberi insentif yang merangsangkan bagi menambah bilangan peserta pasukan ini. Pasukan ini adalah lebih efektif bagi menolong pihak berkuasa kerana mereka melakukan tugas secara sukarela dengan tidak mengharapkan apa-apa pulangan.

Tindakan undang-undang yang lebih berat patut dikenakan terhadap majikan yang mengambil pekerja asing yang tidak sah. Setakat ini penalti yang dikenakan terhadap majikan ialah denda RM10,000 dan penjara. Sekiranya tiada permintaan dari majikan, tidak akan berlaku penawaran bagi pihak pekerja asing. Serbuan dan pemeriksaan yang kerap serta penguatkuasaan undang-undang penting bagi memastikan majikan mengikut saluran yang betul. Majikan yang mengikut undang-undang boleh menolong kerajaan dalam mengurangkan kebanjiran pendatang asing ini.

4) Syarat kemasukan diperketatkan lagi.

Dari kajian, faktor latarbelakang pekerja asing mempengaruhi tempoh lama mereka bekerja di sini. Oleh itu, cadangan untuk mengetatkan syarat kemasukan boleh dibuat melalui pemilihan latarbelakang pekerja asing tidak mahir. Terlebih dahulu sistem

berkomputer untuk memasukkan data-data pekerja asing ini perlu diadakan bagi memudahkan kerja penapisan.

Faktor latarbelakang yang perlu di syaratkan di sini ialah dari segi taraf pendidikan dan umur. Ini bagi mengelakkan masalah sosial pekerja asing semasa di Malaysia. Taraf pendidikan mesti sekurang-kurangnya mempunyai pendidikan menengah kerana dengan harapan pekerja asing pada tahap ini mempunyai pemikiran sivik dan moral yang tidak mendatangkan masalah sosial di kalangan pekerja asing.

Dari segi umur pula, syarat sekarang kemasukan pekerja asing tidak mahir ini ialah di antara umur 18 tahun ke 45 tahun. Cadangan ialah untuk mensyaratkan umur dari 20 tahun ke 40 tahun. Ini adalah kerana untuk memastikan pekerja asing yang bekerja di sini sudah cukup matang dan bertanggungjawab. Tambahan pula dari data kajian, umur pekerja asing yang paling ramai ialah di dalam lingkungan umur 23 tahun ke 35 tahun. Maka wajarlah sekiranya umur minimum dinaikkan sedikit dan umur maksimum dikurangkan. Ini adalah kerana permit maksimum mereka bekerja ialah lima tahun, maka yang berumur 40 tahun setelah habis tempoh telah berumur 45 tahun, jadi sekiranya mereka pulang, masih banyak kerja yang dapat dilakukan kerana mereka masih muda dan

kuat serta senang menyesuaikan diri dengan keadaan di negara mereka semula. Berbanding dengan umur 50 tahun, yang berkemungkinan sudah cukup selesa untuk terus menetap di sini.

5) Penggubalan dasar kerajaan mengenai pekerja asing.

Kerajaan telah menubuhkan satu Kabinet Jawatankuasa Pekerja Asing yang di penguruskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Anwar Ibrahim bagi meluluskan cadangan dasar yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri mengenai pekerja asing. Dasar kerajaan mengenai pekerja asing sering mendapat kecaman dan kritikan kerana dasar-dasar yang dilaksanakan sering berubah-ubah. Kelemahan yang dapat dilihat di sini ialah keputusan yang dibuat tidak dipertimbangkan secara mendalam dari segala segi.

Cadangan kepada pihak Kementerian ialah sebelum memberi usul kepada kabinet untuk diluluskan, satu komiti khas untuk membuat dasar bagi pekerja asing perlu dibentuk, yang terdiri daripada ahli fikir yang mahir dalam bidang sosiologi dan ekonomi. Dasar-dasar yang akan dibuat mestilah menyeluruh, yang merangkumi dan dipertimbangkan dari sudut keadaan semasa, keadaan yang telah berlaku, akan berlaku dan

kemungkinan berlaku samada dalam keadan baik mahupun buruk. Perlu ada satu polisi asas yang konkrit serta jitu yang mempunyai dasar-dasar kerajaan mengenai pekerja asing sebagai panduan. Walau bagaimanapun dasar masih boleh diubah sekiranya perlu. Ini adalah bagi menyesuaikan dengan keadaan. Namun begitu, rombakan dan perubahan yang telah dibuat oleh kerajaan dari segi dasar kerajaan mengenai pekerja asing boleh dilihat sebagai kepekaan kerajaan dan juga kelemahan dari segi pendirian kerajaan.

6) Mengadakan hubungan diplomatik dengan negara asal pendatang.

Memandangkan kebanjiran pendatang asing tanpa izin yang semakin meruncing di sebabkan oleh kegawatan ekonomi di rantau ini, maka langkah persefahaman politik antara negara yang terbabit patut dilakukan. Meminta jasa baik dan komitmen setiap negara asal pendatang, supaya mengetatkan penguatkuasaan ke atas rakyat masing-masing dan pengawalan sempadan. Sekiranya setiap negara bekerjasama, kebanjiran pendatang asing tanpa izin ini dapat dibendung.